

Pemohon:
Bakal Peserta:

Cert Holder Name
Participant Name

Tarikh:
Tarikh Lahir:
Umur:

DD/MM/YY
DD/MM/YY
XX

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK – FinanceSecure-i

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai pelan FinanceSecure-i. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat di dalam Ilustrasi Manfaat dan Sijil Takaful setelah permohonan anda diterima.

AmMetLife Takaful Berhad ialah pengendali takaful keluarga berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

1. Apakah FinanceSecure-i?

Skim ini direka untuk menawarkan perlindungan sekiranya berlaku Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) ke atas peserta semasa tempoh perlindungan. Manfaat takaful akan digunakan untuk membayar pembiayaan peribadi yang tertunggak kepada bank berdasarkan kepada jadual jumlah perlindungan menyusut peserta.

2. Apakah konsep-konsep Syariah yang diguna pakai?

- Wakalah** – Skim ini mengguna pakai Kontrak Wakalah (Agensi), di mana Peserta melantik AmMetLife Takaful Berhad (Pengendali Takaful) untuk bertindak bagi pihak Peserta untuk melabur dan menguruskan Dana Pelaburan Peserta (DPP) dan Dana Risiko Peserta (DRP). Pengendali Takaful berhak untuk menerima fi wakalah, bagi mengurus dan melaburkan dana.
- Tabarru'** – Skim ini mengguna pakai konsep Tabarru', di mana Peserta bersetuju untuk menderma atau menyumbang sebahagian amaun yang ditentukan dari DPP ke dalam DRP bagi tujuan saling membantu dan menolong peserta-peserta lain yang ditimpa musibah.
- Qardh** – Pembiayaan tanpa faedah daripada Pengendali Takaful sekiranya DRP berada dalam keadaan defisit. Pembiayaan ini akan dibayar hendaklah diselesaikan daripada lebihan DRP pada masa hadapan.

3. Apakah perlindungan-perlindungan / manfaat-manfaat yang disediakan?

Jumlah Perlindungan Asas untuk pelan ini adalah: RM XXX

Manfaat-manfaat pelan ini adalah:

Manfaat-manfaat	Jumlah akan dibayar
Manfaat Kematian	Apabila berlaku kematian ke atas peserta, jumlah perlindungan menyusut BESERTA nilai Dana Pelaburan Peserta (DPP) akan dibayar.
Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)	Apabila berlaku HUMK ke atas peserta, jumlah perlindungan menyusut BESERTA nilai DPP akan dibayar. Amaun yang dibayar terhad kepada Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2 juta) setiap peserta. Manfaat HUMK ini tamat pada sehingga umur enam puluh lima (65) tahun pada hari lahir berikutnya.

Sekiranya pada setiap akhir tahun kewangan, terdapat lebihan pendapatan berbanding tanggungan (lebihan bersih), lebihan tersebut akan diagihkan lima puluh peratus (50%) kepada Pengendali Takaful dan lima puluh peratus (50%) akan diagihkan kepada peserta, dengan mengkreditkan ke dalam DPP.

4. Berapakah sumbangan yang perlu saya bayar?

Jumlah sumbangan yang anda perlu bayar dan terma dan syarat sijil mungkin berubah bergantung kepada keperluan pengunderitan.

- Anggaran sumbangan tunggal yang perlu anda bayar adalah: RMXXX
- Tempoh Sumbangan: sumbangan tunggal pada permulaan sijil.

5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

- Fi Wakalah** – RM20 fi wakalah tetap, ditambah 40% daripada sumbangan tunggal setelah ditolak fi wakalah tetap. Fi Wakalah digunakan untuk tujuan kos pengedaran dan pengurusan kami, termasuk komisen sebanyak 10% daripada sumbangan tunggal yang perlu dibayar kepada pembiaya.
- Tabarru'** – Amaun tabarru' akan ditolak secara bulanan dari nilai DPP. Amaun tabarru' ini akan meningkat berdasarkan umur anda. Butiran amaun tabarru' dan lain-lain caj untuk pelan ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam Ilustrasi Manfaat.
- Caj Serahan** – RM100 atau 10% daripada nilai DPP, yang mana lebih rendah.

6. Apakah terma dan syarat yang perlu saya ketahui?

- Anda harus berpuas hati bahawa skim ini akan membantu keperluan anda sebaik mungkin dan anda mampu membayar sumbangan yang dikenakan.
- Kepentingan Pendedahan** – Anda perlu mendedahkan kesemua fakta penting seperti status kesihatan serta menyatakan umur anda dengan tepat.
- Anda harus melengkapkan borang cadangan dengan sebaiknya memandangkan ia akan menjadi asas kepada kontrak anda.
- Sekiranya anda gagal mendedahkan atau silap mendedahkan sebarang maklumat penting anda mungkin tidak layak menerima sebarang manfaat yang sepatutnya. Sumbangan dan jumlah manfaat anda mungkin terjejas. Sijil anda juga boleh dibatalkan dan segala sumbangan ditolak perbelanjaan perubatan, tuntutan dan sebarang amaun yang masih tertunggak akan dikembalikan kepada anda tanpa keuntungan.
- Tempoh Rujukan Percuma** – Anda boleh membatalkan Sijil Takaful anda dengan mengembalikan sijil tersebut dalam tempoh lima belas (15) hari selepas menerima. Sumbangan yang telah dibayar (ditolak sebarang kos perubatan yang telah dikenakan) akan dikembalikan kepada anda.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak sijil untuk terma dan syarat yang tertakluk di dalam skim ini.

7. Apakah pengecualian-pengecualian yang utama?

Manfaat	Pengecualian
Manfaat Kematian	Bagi manfaat Kematian, tiada manfaat akan diperuntukkan bagi kejadian berikut yang berlaku secara langsung atau tidak langsung: <ol style="list-style-type: none"> bunuh diri atau cubaan bunuh diri, sama ada ketika waras atau tidak waras yang berlaku dalam tempoh satu (1) tahun daripada tarikh kuatkuasa; atau dibawah pengaruh alkohol, narkotik atau penyalahgunaan dadah selain dari yang dipreskripsi secara sah oleh pegawai perubatan yang bertauliah; atau Kematian yang berlaku dalam tahun pertama sijil disebabkan oleh Penyakit Sedia-Ada; atau Kematian yang berlaku dalam tahun pertama sijil disebabkan kemalangan yang berlaku sebelum tarikh kuatkuasa.
Manfaat HUMK	Bagi manfaat HUMK, tiada manfaat akan diperuntukkan bagi kejadian berikut yang berlaku secara langsung atau tidak langsung: <ol style="list-style-type: none"> mencederakan diri sendiri atau sebarang cubaan mencederakan diri yang disengajakan, sama ada waras atau tidak; atau dibawah pengaruh alkohol, narkotik atau penyalahgunaan dadah selain dari yang dipreskripsi secara sah oleh pegawai perubatan yang bertauliah; atau HUMK yang berlaku dalam tahun pertama sijil disebabkan oleh Penyakit Sedia-Ada; atau HUMK yang berlaku di dalam tahun pertama sijil disebabkan kemalangan yang berlaku sebelum tarikh kuatkuasa.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak sijil untuk terma dan syarat yang tertakluk di dalam skim ini.

8. Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful saya?

Sebarang notis pembatalan secara bertulis yang diberi kepada kami (dengan persetujuan dari Pembiaya anda) selepas tempoh rujukan percuma semasa tempoh perlindungan ini, kami akan mengembalikan nilai DPP selepas ditolak fi serahan dan sebarang fi pemeriksaan perubatan yang telah ditanggung.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika ada perubahan kepada butiran untuk menghubungi saya?

Adalah mustahak untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang pertukaran butiran perhubungan (termasuk penama anda) untuk memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda atau penama anda tepat masanya. Butiran perhubungan kami adalah seperti di bawah.

10. Di mana boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Keluarga, sila rujuk kepada buku nota kecil insurance info "Takaful Keluarga", ianya boleh didapati di pejabat kami atau anda boleh mendapatkan salinannya daripada wakil AmMetLife Takaful atau layari www.insuranceinfo.com.my. Jika anda ada sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di alamat di bawah.

AmMetLife Takaful Berhad (201101002936)

Tingkat 23, Menara 1 Sentrum,
No. 201, Jalan Tun Sambanthan,
50470, Kuala Lumpur.

Tel: 1 300 22 9777 Fax: (603) 2272 3229
Emel: customercare@ammelifetakaful.com
Laman Sesawang: ammelifetakaful.com

11. Perlindungan Takaful Keluarga lain yang serupa.

Sila hubungi AmMetLife Takaful untuk pelan-pelan lain yang serupa yang ditawarkan oleh AmMetLife Takaful.

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DI DALAM SKIM TAKAFUL KELUARGA ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS SIJIL YANG MEMENUHI KEPERLUAN PERSENDIRIAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL ATAU HUBUNGI KAMI SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

1. Sila ambil perhatian bahawa dokumen ini hanya untuk rujukan sahaja dan tidak menjadi sebahagian daripada kontrak takaful dan/atau nasihat profesional. Terma dan syarat penuh pelan ini dinyatakan di dalam Sijil Takaful.
2. Dokumen ini hendaklah dibaca bersama Ilustrasi Manfaat yang disediakan oleh wakil AmMetLife Takaful.
3. Anda mestilah berpuas hati bahawa pelan ini menepati keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah Sijil Takaful ini adalah amaun yang anda mampu bayar.
4. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi AmMetLife Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).